

Pemilihan \$175 ikut amalan biasa

PARAS kemiskinan bawah \$175 sebulan, yang ditetapkan oleh kerajaan bagi mentakrif golongan termiskin, tidak dilakukan **sewenang-wenang** tanpa mengambil kira beberapa faktor tertentu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**.

"Katahya, **paras** itu dibuat mengikut **amalan biasa** di dunia dan ditetapkan dengan mengambil kira beberapa faktor.

Beliau berkata demikian sewaktu menjawab **soalan** Encik Lee Lam Thye (DAP-Bukit **Bintang**) yang ingin tahu **sama ada** kerajaan **berca-d&g** meningkatkan **paras** itu kepada \$300 sebulan, di **Dewan Rakyat** **sema-**lam.

"**Kita** memang boleh menetapkan **paras** kemiskinan bawah \$300 sebulan, tetapi nanti tentu mereka yang memperolehi pendapatan \$1,000 sebulan pun menganggap diri mereka miskin. **Jadi**, kerajaan perlu **mem-**buat angka atau **paras** kemiskinan sendiri, yang difikirkan sesuai," **ka-**tanya.

Golongan termiskin ditakrifkan sebagai keluarga yang ahli-ahlinya menerima pendapatan per kapita kurang \$35 sebulan atau pendapatan **seke-**luarga kurang \$175 sebulan **bagi** satu keluarga yang mengandungi lima orang.

Beliau **juga** memberitahu Haji **Ab-**dullah Haji Arshad (Pas-Pengkalan Chepa) bahawa mereka yang **meneri-**ma pendapatan bawah \$375 sebulan masih mampu untuk mencari wang tambahan.

"Tetapi golongan termiskin yang menerima pendapatan bawah \$175 sebulan **perlu diberi** bantuan istimewa kerana mereka tidak mampu hendak memajukan diri sendiri," **ka-**tanya.

Apabila ditanya oleh Haji Abdullah **sama ada** kerajaan memberikan takrif yang tepatterhadap orang **ter-**miskin dan miskin mengikut **perki-**raan Islam, **Perdana Menteri** **menja-**wab:

"**Saya** tidak dapat hendak jelaskan **sama ada** takrifan itu tepat atau tidak. Tetapi **saya** hendak tanya Yang Berhormat, berapakah pendapatan sebulan **golongan** fakir dan miskin?"